

Sistem pemberian 10 undi adil: PM

Oleh Mahfar Ali

JOHOR BAHRU, Isnin — Sistem pemilihan Umno yang memberi 10 undi bagi setiap pencalonan bahagian untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti adalah adil, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno itu berkata, sistem berkenaan juga dapat memastikan bukan saja perwakilan dapat menentukan pucuk pimpinan parti, malah semua ahli mempunyai kuasa berbuat demikian.

Menurutnya, pencalonan di peringkat bahagian dibuat oleh lebih ramai

ahli yang menjadi akar umbi dalam Umno, tetapi wakil bahagian ke perhimpunan kadang-kadang tidak mengikut keputusan bahagian masing-masing.

Dr Mahathir memberi contoh pada pemilihan 1987 beliau mendapat 80 peratus pencalonan untuk mempertahankan jawatannya, tetapi hanya menang dengan majoriti 43 undi.

"Ini bermakna ada perkara yang tidak diinginkan berlaku di kalangan perwakilan.

"Berikutan itu, perkara ini kita timbang sedalam-dalamnya dan mengang-

gap cara pemberian 10 undi itu adalah adil," katanya di majlis perjumpaan dengan ahli Umno Johor di Saujana dekat sini, petang ini.

Menteri Besar, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin; Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Undang-undang, Datuk Syed Hamid Albar, turut hadir.

Dalam ucapan hampir sejam itu, Dr Mahathir juga mengulangi pendiriannya yang bersikap berkecuali dalam pemilihan akan datang.

Beliau bagaimanapun menasihatkan ahli supaya

berkempen secara sopan bagi mengelak kejadian Umno diharamkan berulang.

"Sementara kita mengutamakan pemimpin, kita janganlah pula terikat sehingga sanggup melihat parti berpecah-belah semata-mata kerana satu dua orang yang tidak mendapat tempat.

"Pemimpin tidak akan kekal, tetapi parti akan terus wujud. Sebab itu kita mahu Umno lebih kuat selepas pemilihan," katanya.

Sambil menganggap Umno sebagai parti politik terkuat di dunia keti-

ga, Dr Mahathir berkata, negara mempunyai kerajaan yang kuat dan stabil kerana Umno yang kini mempunyai lebih 1.9 juta ahli, menjadi tuggak parti pemerintah Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri memberi contoh rakyat di beberapa negara yang mengamalkan sistem demokrasi, berpecah-belah kerana tidak ada parti yang kuat untuk membentuk kerajaan hingga parti besar terpaksa meminta bantuan parti kecil untuk menubuhkan kerajaan campuran.